

25 DEC 1999

MAHATHIR HADIRI SAMBUTAN HARI NATAL

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis sambutan Hari Natal anjuran Persekutuan Kristian Malaysia.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dan isteri menghabiskan masa kira-kira 45 minit pada majlis sambutan itu yang diadakan di kediaman Paderi Besar Malaysia Barat, Rev. Datuk Dr Lim Cheng Ean di Persiaran Stonor di sini.

Yang turut hadir ialah ketua biskop Roman Katolik Soter Fernandez dan wakil gereja di seluruh negara.

Kira-kira 300 orang yang menghadiri majlis sambutan itu mengambil kesempatan untuk berjabat tangan dengan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

-- BERNAMA

HS AKT AKD